

# Negara Islam perlu kaya elak ditindas

BH 25 DEC 2000

ALOR STAR, Ahad – Negara Islam perlu maju dan kaya supaya mampu membantu saudara seagama yang ditindas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

Perdana Menteri berkata, selagi negara Islam mundur, mereka hanya mampu bergantung kepada kuasa besar lain untuk membela nasib umat Islam yang ditindas di tempat lain.

Merujuk kepada Palestin, Dr Mahathir berkata, tidak banyak yang negara Islam lain boleh lakukan bagi membantu menghen-tikan penindasan terhadap rakyat negara itu.

“Umat Islam di tempat lain ditindas, dibunuh, dipukul dan disiksa tanpa boleh berbuat apa-apa untuk melindungi diri.

“Negara Islam (lain) pun tidak boleh berbuat apa-apa untuk membantu,” katanya ketika berucap di majlis berbuka puasa di Kompleks Al-Bukhari, di sini, petang ini.

Turut hadir Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Yayasan Al-Bukhari, Datuk Syed Mokhtar Al-Bukhari; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Nor.

Dr Mahathir berkata, antara faktor negara Islam tidak berdaya membantu antara satu sama lain ialah kerana tidak maju dan tiada perpaduan di kalangan umat Islam.

“Kita tidak ada industri penting untuk melindungi umat Islam. Kita juga tidak mampu membuat senjata sendiri.

“Selagi tidak ada kuasa besar seperti Turki dulu, selagi itu umat Islam akan ditindas,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, umat Islam di negara ini bertuah kerana boleh beribadat tanpa gangguan.

“Kita bersyukur kerana keamanan di Malaysia terpelihara, tiada penindasan dan bebas beribadat,” katanya.

Menurutnya, hasil keamanan dan kemakmuran negara ramai umat Islam yang mampu memperoleh kekayaan dan membantu saudara seagama.

Kompleks itu yang dijangka siap pada Jun 2001 akan mempunyai kampus Universiti Islam Kedah (Insaniah), iaitu universiti berkembar Al-Azhar, Mesir, hospital, masjid, asrama anak yatim dan rumah orang tua.